

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN EMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L  
RAJAJI (JELUTONG)**

**TARIKH : 6 NOVEMBER 2019**

**SOALAN**

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [ Jelutong ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapa Kerajaan enggan mengekstradisi Dr. Zakir Naik kembali ke India tetapi mengekstradisi keluarga Arif Komis ke Turki.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian ini telah menerima permintaan ekstradisi Dr. Zakir Naik daripada Kerajaan India pada 19 Januari 2018 atas tuduhan pengubahan wang haram dan mempromosikan keganasan.

Kerajaan telah membuat pertimbangan berdasarkan peruntukan di dalam Triti Ekstradisi di antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan India serta Akta Ekstradisi 1992 dengan mengambil kira penelitian terhadap bukti-bukti yang dikemukakan termasuk semua faktor dan fakta kes.

Kerajaan Malaysia memutuskan untuk tidak mengekstradisi Dr. Zakir Naik ke negara India kerana Akta Ekstradisi 1992 (Akta 479) memperuntukkan *Restrictions on return of fugitive criminals* termasuk kesalahan yang pemulangannya bersifat politik, tujuan membicarakan,

## SOALAN NO : 27

menghukum berdasarkan kesalahan bersifat politik atau dia mungkin terjejas dalam perbicaraannya atau dihukum oleh sebab rasnya, agamanya, kerakyatannya atau fahaman politiknya bagi maksud mendakwa atau menghukum.

Selain itu, terdapat peruntukan Akta Ekstradisi 1992 untuk tidak meneruskan proses ekstradisi dengan mengambil kira segala hal keadaan demi kepentingan keadilan jika orang yang dikehendaki tersebut tidak akan mendapat keadilan jika dihantar pulang atau terdapat suatu penindasan atau ancaman nyawa terhadapnya.

Semakan terhadap Dr. Zakir Naik juga mendapati beliau tidak tersenarai dalam *red notice Interpol* dan entiti penganas di dalam senarai United Nation Security Council Resolutions (UNSCR) sebagai orang yang dikehendaki mahu pun penganas yang disyaki.

Hal ini berbeza dengan pengusiran Arif Komis di mana siasatan secara terperinci dilakukan oleh pihak Polis Diraja Malaysia mengesahkan beliau merupakan anggota kanan gerakan *Fetullah Gullen Terrorist Organization* (FETO) yang telah disenaraikan oleh Kerajaan Turki sebagai organisasi penganas kerana terlibat dalam aktiviti militan untuk menggulingkan kerajaan sedia ada. Malahan, Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) turut menyenaraikan FETO sebagai penganas.

Sekiranya tidak dibendung, FETO berpotensi memberi ancaman serius kepada keselamatan negara. Pengalaman dan modus operasi seperti insiden cubaan rampasan kuasa yang berlaku di Turki dikhuatiri akan mempengaruhi rakyat di negara ini. Perkara ini adalah selari dengan dasar kerajaan Malaysia untuk tidak membenarkan Malaysia menjadi tempat oleh mana-mana pihak sebagai pangkalan untuk melancarkan serangan terhadap negara - negara lain.